

AL-HIKMAH

Jilid	15	ISSN 1985-6822	2023
No.	1		1444

- ANALISIS KANDUNGAN TERHADAP HASHTAG INSTAGRAM NGO ISLAM MALAYSIA DALAM MENGHADAPI COVID-19 ... 3-13
Muhammad Faisal Ashaari & Noor Hidayah Kassim
- DASAR PERLINDUNGAN TERHADAP MANGSA PEDOFILIA MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA DAN PENGAWALANNYA MELALUI PROGRAM PENCEGAHAN ... 14-28
Mardziyah Binti Abdul Manaf
- GANGGUAN KESIHATAN MENTAL BERKAITAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DAN KAEDAH MENGATASI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM ... 29-46
Norhayati Mazizi & Salasih Hanin Hamjah
- GEJALA ATEIS MELAYU DAN HUBUNGANNYA DENGAN LIBERALISME ... 47-65
Nurul Syahiidah binti Fuad, Nozira binti Salleh & Indriaty binti Ismail
- PERSEPSI URUSETIA TERHADAP MAKNYAH DALAM KEM IBADAH ... 66-77
Irwan Mohd Subri, Mohd Hapiz Mahaiyadin Andi Mohamad Zulfauzan Muhamad & Muhamad Nasiruddin Asman
- PERANAN PROGRAM KEAGAMAAN TERHADAP KEBIMBANGAN DAN KEMURUNGAN DALAM KALANGAN BANDUAN WANITA ... 78-103
Siti Jamiyah Abdul Jalil, Rozmi Ismail, Yusmini Md Yusoff, Fariza Md. Sham, & Juwairiah Hassan

Dasar Perlindungan Terhadap Mangsa Pedofilia Menurut Undang-Undang di Malaysia Dan Pengawalannya Melalui Program Pencegahan

Policy on Protection of Paedophilia Victim According to the Law in Malaysia and Its Control Through Prevention Programmes

MARDZIYAH BINTI ABDUL MANAF

ABSTRAK

Ancaman pedofilia terhadap kanak-kanak semakin membimbangkan. Pedofilia bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan masalah sosial yang turut dihadapi seluruh dunia. Masalah ini boleh memberi ancaman kepada kesejahteraan masyarakat terutama kepada golongan kanak-kanak. Sehubungan itu, perlindungan terhadap kanak-kanak adalah satu aspek penting dan hendaklah diberikan keutamaan. Artikel ini bertujuan menganalisis Dasar Perlindungan Kanak-Kanak. Dasar ini adalah selaras dengan falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-Kanak Pindaan 2016 yang menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan, pihak kerajaan dan NGO telah melaksanakan program pencegahan dalam menangani kes pedofilia. Secara keseluruhannya, program-program sosial yang dianjurkan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat dan usaha ini dapat memantapkan lagi Dasar Perlindungan Kanak-kanak di Malaysia demi kepentingan bersama.

Kata kunci: *Pedofilia, perlindungan kanak-kanak, undang-undang, program pencegahan*

ABSTRACT

The threat of paedophilia against children is becoming increasingly alarming. Paedophilia is happening in Malaysia and causes social problems in many other countries. The beginning of indifference and carelessness has become the cause of widespread paedophilia. Even more critical is that society does not report suspected paedophilia cases. Accordingly, protecting children is an important aspect and should be prioritised. This article aims to analyse the Child Protection Policy. This policy aligns with the philosophy of the Convention on the Rights of the Child (CRC) and the Children Act 2001, which emphasise the principle of protection for

children. This study uses a qualitative approach through document analysis. Findings show that the government and NGOs have implemented prevention programmes to deal with paedophilia cases. Overall, the community received the organised social programs well, and this effort can strengthen the Child Protection Policy in Malaysia to benefit the community.

Keywords: paedophilia, protection, children, laws, prevention program

Received : 20 Mei 2021
Accepted : 25 January 2023

Revised : 21 January 2023
Published : 30 June 2023

PENDAHULUAN

Ancaman pedofilia di Malaysia bukanlah suatu perkara yang baharu. Statistik dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 22,234 kes penderaan seksual kanak-kanak telah direkodkan dari tahun 2010 hingga Mei 2017, dengan purata kes sebanyak 3,176 kes setahun. Jumlah tersebut mewakili empat kategori penderaan seksual iaitu rogol sebanyak 13,272 kes, cabul sebanyak 6,014 kes, sumbang mahram sebanyak 1,766 kes dan perbuatan luar tabii sebanyak 1,152 kes (Nazura, Hazwan Faisal & Fahmy Azril 2017). Namun, terdapat kes pedofilia masih disorok dalam masyarakat. Keengganan untuk melaporkan pedofilia boleh menyebabkan beberapa faktor termasuk stigma, perasaan malu dan budaya senyap dalam komuniti. Sikap sambil lewa dari masyarakat sivil dan orang dewasa jarang bercampur tangan apabila kanak-kanak didera secara seksual lalu menyebabkan kecederaan yang serius dan juga kematian.

Permasalahan ini telah menggesa kerajaan melakukan pelbagai usaha untuk membanteras isu pedofilia. Langkah yang telah diambil iaitu memperkenalkan Dasar Perlindungan Kanak-kanak. Dasar Perlindungan Kanak-kanak ini merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-kanak Pindaan (2016). Dasar ini dilaksanakan sebagai platform untuk melindungi kanak-kanak menjadi mangsa gangguan seksual di mana- mana sahaja di Malaysia (JKM 2016).

Bagi memantapkan lagi Dasar Perlindungan Kanak-Kanak ini, pelbagai program pencegahan dalam membendung isu pedofilia telah dilakukan. Beberapa organisasi kerajaan telah melancarkan beberapa program perlindungan dan keselamatan kanak-kanak seperti Kementerian Pendidikan melalui Program Sarana Ibumama, Kementerian Kesihatan pula memberikan perkhidmatan *One Stop Crisis Centre* (OSCC) (KKM 2023),

serta Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan Program Pendidikan Kesihatan. Selain itu terdapat juga program pencegahan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan mengadakan Seminar Kesedaran Jenayah Pedofilia dan Program Kempen TinNDAK (Permata 2021). Oleh itu Dasar Perlindungan Kanak-kanak diperlukan bagi menggalakkan setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama. Dasar ini selaras dengan falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-Kanak Pindaan (2016) yang juga menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak demi kepentingan sejagat di Malaysia.

DEFINISI PEDOFILA DAN PERLINDUNGAN

Istilah pedofilia digunakan buat pertama kalinya pada 1856 oleh pakar psikiatri dari Veanna dan dianggap salah satu daripada masalah kesihatan mental (Harrison, Manning & McCartan 2010). Menurut United Nations Children's Fund (UNICEF 2010) dan World Health Organization (WHO, 1999), penderaan seksual terhadap kanak-kanak ialah penglibatan kanak-kanak dalam kegiatan seksual yang tidak difahaminya dengan baik, yang tidak dapat dipersetujuinya dengan bijak atau melanggar undang-undang atau kelaziman masyarakat. Penderaan seksual tersebut merangkumi perbuatan meraba-raba kemaluan, memperkosa, merogol dan menaikkan syahwat kanak-kanak dengan meminta secara tidak berpatutan, mendedahkan bahagian tubuh yang sulit atau menunjukkan bahan-bahan lucah. Manakala menurut, Kamus Dewan (2013), pedofilia bermaksud sebagai keinginan mengadakan hubungan seks dengan kanak-kanak. Pedofilia sejenis gangguan psikologi individu dewasa yang tertarik secara seksual untuk melakukan seks dengan kanak-kanak atau menggunakan kanak-kanak yang belum baligh atau di awal baligh untuk aktiviti seks mereka (Harrison, Manning & McCartan 2010).

Manakala, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak ialah merujuk kepada strategi dan aktiviti untuk mencegah dan bertindak balas terhadap pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak (JKM 2016). Di bawah Dasar Perlindungan Kanak-kanak, sekiranya kanak-kanak tidak diberikan perhatian sewajarnya dikira sebagai pengabaian yang merujuk kepada kegagalan secara berterusan dan serius untuk menyediakan keperluan asas fizikal, emosi dan pembangunan dari segi kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, nutrisi, tempat perlindungan dan kehidupan yang selamat untuk kanak-kanak. Pengabaian boleh mendedahkan kanak-kanak kepada segala bentuk bahaya, termasuk mengancam nyawa mereka. Penderaan kanak-kanak pula bermaksud satu

pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka. Penderaan ini boleh dikategorikan kepada penderaan fizikal, emosi, seksual dan pengabaian (JKM 2016).

KONVENSYENYEN MENGENAI HAK KANAK-KANAK

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (KHKK) atau Convention on the Rights of the Child (CRC) pada 17 Februari 1995 (SUHAKAM 2018). Konvensyen ini merupakan satu konvensyen antarabangsa mengenai pemberian hak sivil, ekonomi, sosial dan kebudayaan kepada kanak-kanak. Dokumen ini menyatakan hak-hak yang seharusnya dinikmati oleh seorang kanak-kanak sejak dilahirkan sehingga mencapai usia 18 tahun. Tujuan utama dokumen ialah memastikan kanak-kanak menikmati semua keperluan asas dilindungi daripada segala bentuk ancaman dan bahaya sosial serta diberi peluang untuk mengembangkan potensi diri yang dimiliki agar mereka boleh membesar menjadi seorang dewasa yang berguna. Sebagai sebuah Negara Pihak (*State Party*) kepada CRC, Malaysia amat prihatin dan komited terhadap tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang merupakan generasi pewaris negara pada hadapan.

Konvensyen Hak Kanak-kanak (KHKK) telah memainkan peranan yang penting apabila ianya diterima dengan meluas untuk kebajikan kanak-kanak dan keluarga oleh masyarakat antarabangsa. Artikel 3 dalam Konvensyen tersebut menegaskan pentingnya prinsip kebajikan seorang kanak-kanak (SUHAKAM 2018). Ia juga menitikberatkan kebebasan untuk kanak-kanak seperti kebebasan bersuara, mendapat maklumat dan lain-lain yang dilihat sebagai generasi masa hadapan yang cekap dan kompeten. Hak ketiga yang diperjuangkan oleh CRC untuk kanak-kanak adalah hak perlindungan. Kaedah-kaedah khas bagi melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi ekonomi, penderaan fizikal, dan seksual, pengabaian, layanan buruk dan diskriminasi telah dicadangkan oleh konvensyen ini. Liputannya juga merangkumi hak untuk mendapat perlindungan khas bagi kanak-kanak yang terlibat dalam konflik peperangan atau senjata kanak-kanak pelarian dan kanak-kanak yang melalui proses pengangkatan. Berdasarkan artikel 19 di dalam The Convention on the Rights of the Child (CRC).

“Kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada diseksa dan dilayan dengan tidak adil secara fizikal atau emosi. Berkenaan penderaan atau gangguan secara emosi berkait rapat dengan gangguan seksual di mana kanak-kanak akan menyendiri

disebabkan gangguan yang menyebabkan tekanan emosi dan mental. Kerajaan haruslah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi kanak-kanak daripada keganasan, penderaan dan pengabaian oleh ibubapa atau sesiapa sahaja yang menjaga mereka.”

Pada tahun 1948, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima Universal Declaration of Human Rights. Ini diikuti dengan Pengisytiharaan Hak Kanak-kanak pada tahun 1959 yang hanya mempunyai hak yang tidak pun mengikat negara-negara yang menandatangani. Pada tahun 1978 Kerajaan Poland telah menghantar satu draf konvensyen kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu. Pada 20 Novemeber 1989 KHKK telah diterima oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan mengekalkan semangat yang ada dalam Pengisytiharan Hak Kanak-kanak 1959, Konvensyen ini mencerminkan isu dan kekusaran semasa seperti perlindungan alam sekitar, penyalahgunaan dadah dan eksploitasi seks. Konvensyen ini telah berkuatkuasa pada tahun 1990 selepas 20 buah negara meratifikasinya (UNICEF 2019).

Menurut Amnesty International (2023), hanya satu daripada 197 negara anggota PBB yang belum meratifikasi Konvensyen. KHKK adalah konvensyen antarabangsa yang menggariskan hak kanak-kanak dalam hal sivil, politik, ekonomi, soial dan kebudayaan. Kesimpulannya, Dasar Perlindungan Kanak-kanak ini merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-kanak 2001.

DASAR PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Dasar Perlindungan Kanak-Kanak ini merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan kanak-kanak selaras dengan falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-Kanak Pindaan (2016). Dasar ini memberi tumpuan kepada aspek advokasi, pencegahan, khidmat sokongan, penyelidikan dan pembangunan bagi melindungi kanak-kanak. Secara khususnya, Dasar Perlindungan Kanak-kanak bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi. Dasar ini juga menjadi pemangkin kepada kesedaran dan komitmen semua pihak, termasuk setiap anggota masyarakat dalam melindungi kanak-kanak. Dasar Perlindungan Kanak-kanak menetapkan 7 objektif utama seperti berikut (JKM 2016):

1. meningkatkan kesedaran dan komitmen pelbagai pihak terhadap usaha melindungi kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama.
2. mewujudkan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak.
3. menggalakkan organisasi yang berhubung secara langsung dan tidak langsung dengan kanak-kanak mewujudkan dasar perlindungan kanak-kanak organisasi masing- masing.
4. melindungi setiap kanak-kanak daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi.
5. menetapkan hanya individu yang bersesuaian sahaja boleh berurusan secara langsung dengan kanak-kanak.
6. meningkatkan khidmat sokongan bagi menangani pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak.
7. meningkatkan penyelidikan dan pembangunan bagi menambah baik perlindungan terhadap kanak-kanak.

Bagi mencapai objektif- objektif di atas, 11 strategi dirangka berasaskan 4 aspek utama iaitu advokasi, pencegahan, khidmat sokongan serta penyelidikan dan pembangunan. Strategi-strategi tersebut adalah seperti berikut (JKM 2016):

Advokasi

1. Menerap dan memupuk kesedaran tentang pentingnya tanggungjawab melindungi kanak-kanak kepada semua lapisan masyarakat termasuk mewujudkan perkongsian pintar (smart partnership) dengan pihak media dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk sektor swasta dan organisasi masyarakat.
2. Memastikan mereka yang berurusan secara langsung dengan kanak-kanak berupaya mengenal pasti dan seterusnya melaporkan kes- kes pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi.
3. Memastikan kanak-kanak dan anggota masyarakat termasuk pengamal undang- undang, penuntut jurusan undang- undang, pendidik, pekerja sosial, doktor, anggota penguatkuasa (seperti pegawai polis dan imigresen), pemandu pengangkutan awam (seperti bas dan teksi) dan pengawal keselamatan diberi kefahaman mengenai hak kanak-kanak di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dengan fokus kepada aspek perlindungan.
4. Menggalakkan penyediaan persekitaran yang sihat dan selamat untuk kanak-kanak.
5. Menggalakkan setiap organisasi mewujudkan dasar dan peraturan mengenai perlindungan kanak-kanak.

Pencegahan

1. Mewujudkan mekanisme amaran awal dan mengukuhkan mekanisme perlindungan kanak-kanak di peringkat nasional dan antarabangsa.
2. Menyediakan pengetahuan asas kepada kanak-kanak untuk membolehkan mereka melindungi diri daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi serta mengenal pasti keadaan yang berisiko kepada mereka.
3. Mewujudkan sistem saringan, pengiktirafan dan latihan bagi mereka yang bekerja secara langsung dengan kanak-kanak.

Khidmat Sokongan

1. Memperluas dan meningkatkan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa, keluarga, pesalah dewasa, pesalah kanak-kanak dan komuniti setempat.
2. Meningkatkan dan memperluaskan perkhidmatan perlindungan dan kesihatan kepada mangsa dan keluarga.

Penyelidikan dan Pembangunan

1. Menggalakan penyelidikan dan pembangunan mengenai perlindungan kanak-kanak serta menyebarkan hasil penyelidikan untuk tindakan penambahbaikan.
2. Dasar Kanak-kanak Negara dengan objektif utama:
 - a. Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan diberi jagaan, pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial.
 - b. Setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi dan seterusnya diberi habilitasi, rehabilitasi dan diintegrasikan ke dalam keluarga dan masyarakat.
 - c. Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk perkembangan holistik dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian.
 - d. Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk bersuara, menyertai (turut serta) dan melibatkan diri mengikut tahap keupayaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka.

- e. Kanak-kanak, ibubapa, penjaga, komuniti dan masyarakat sedar akan hak kanak-kanak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan.
- f. Penyelidikan dan pembangunan mengenai kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak dilaksanakan dari semasa ke semasa.

PROGRAM SARANA IBUBAPA

Kementerian Pelajaran Malaysia (2013) telah melancarkan Sarana Ibubapa (IB) iaitu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan penglibatan ibubapa dalam pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah demi kecemerlangan masa hadapan negara. Dalam sarana ini, satu kaedah yang dicadangkan sendiri ialah ibu bapa atau penjaga mengisi borang soal selidik yang dibekalkan dan menganalisis sendiri kekuatan dan kelemahan di dalam mengurus anak-anak dalam empat bidang:

1. Menyediakan suasana pembelajaran rumah
2. Interaksi sosial
3. Komunikasi dengan anak
4. Sokongan akademik

Meskipun sarana ini dianggap sebagai garis panduan kepada ibubapa dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai ibubapa dan bukanlah undang-undang, ianya dilihat sebagai langkah awal dalam meningkatkan kesedaran ibubapa terhadap tanggungjawab mereka terhadap anak-anak. Kajian peringat antarabangsa PISA 2009 (PISA: Programme For International Student Assessment-Program Pentaksiran Murid Antarabangsa) menunjukkan bahawa cara bagaimana IB menggunakan masa bersama anak di rumah mempengaruhi kejayaannya. Beberapa amalan terbaik dikongsikan bersama dalam sarana IB dan ternyata mendatangkan hasil yang memberangsangkan. Oleh itu, program ini perlu diteruskan untuk persediaan ibubapa dalam mendepani cabaran dan tanggungjawab ibubapa (OECD 2010).

PROGRAM PENDIDIKAN KESIHATAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memperkenalkan Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) pada 2012 sebagai salah satu pelan strategik bagi

memberikan tumpuan kepada pendidikan kesihatan reproduktif dari aspek kesedaran anggota masyarakat, pembangunan kepakaran pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sistem pendidikan serta pelaksanaan pendidikan secara berkesan (KPWKM 2022).

Bagi membina pengetahuan kanak-kanak tentang kepentingan menjaga diri, program berkaitannya dilaksanakan sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Modul yang digunakan antara lain memberi pengetahuan akan bahaya risiko salah laku seks. Pelajar yang terlibat adalah murid tahun 6 iaitu selepas UPSR dan pelajar tingkatan 3 iaitu selepas peperiksaan PT3 dan pelajar Pendidikan Khas. Kewujudan Dasar Kesihatan Remaja Malaysia melalui kesedaran terhadap tanggungjawab kesihatan diri sendiri, memperkasa remaja dengan pengetahuan dan kemahiran yang mantap bagi membolehkan mereka mengamalkan tingkah laku sihat melalui penyertaan yang aktif. Dasar ini juga diwujudkan bagi mempromosikan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berkaitan dengan remaja. Objektif Dasar Kesihatan Remaja Malaysia 2001 ialah (BPKK 2022):

1. Menyokong pembinaan golongan remaja yang bersemangat waja dengan menggalakkan cara hidup yang sihat dan bertanggungjawab.
2. Mencegah gejala kesihatan akibat tingkah laku berisiko dengan menggalakkan cara hidup yang sihat Negara dan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang bersesuaian.
3. Menggalakkan penyertaan golongan remaja secara aktif dalam aktiviti penggalakan kesihatan dan pencegahan.

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI

Pusat Khidmat Krisis Sehenti atau *One Stop Crisis Centre* (OSCC) adalah satu unit khas di Jabatan Kecemasan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang berperanan untuk memberikan perkhidmatan menyeluruh kepada mangsa-mangsa penderaan kanak-kanak. Ia juga ditubuhkan untuk memberi ruang privasi kepada mangsa semasa proses temubual dan pemeriksaan fizikal. Suspected Child Abuse & Neglect (SCAN) Team adalah satu pasukan profesional yang terdiri dari doktor dan pakar dari pelbagai disiplin yang berfungsi untuk membuat pemeriksaan dan penilaian ke atas kanak-kanak mangsa penderaan. SCAN Team juga bertanggungjawab untuk memastikan koordinasi di antara pihak hospital dan agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang lain untuk memastikan mangsa kanak-kanak mendapat perlindungan dan keadilan.

SCAN Team diketuai oleh Pakar Kanak-kanak (Pediatrik) dan ahli-ahli lain terdiri dari pakar dan doktor dari Jabatan Kecemasan, Jabatan Pediatrik Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Jabatan Surgery, Jabatan Psikiatri dan Jabatan Forensik. Ahli-ahli pasukan SCAN yang lain juga terdiri daripada pegawai kaunseling, pakar psikologi dan pegawai dari Jabatan Kerja Sosial Perubatan, pegawai Pelindung kanak-kanak dan pegawai polis (Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia 2017). Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK) mula ditubuhkan sebagai Unit Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak yang menyediakan penjagaan asas kepada ibu dan kanak-kanak. Pada 1996, program ini telah diperluas untuk merangkumkan keseluruhan kitaran hidup sesebuah keluarga, sejak lahir hingga mati. Antara kejayaan yang banyak dicapai oleh bahagian ini ialah pengurangan kadar kematian kanak-kanak berusia bawah lima tahun dan kadar kematian ibu yang begitu ketara yang pada hari ini boleh dibandingkan dengan negara-negara perindustrian.

SEMINAR KESEDARAN JENAYAH PEDOFILIA

Seminar Kesedaran Jenayah Pedofilia telah diadakan pada 29 November 2017 di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar, Johor. Seminar ini telah dirasmikan oleh Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah. Dalam program ini, semua semua pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), diingatkan untuk memainkan peranan dengan mengambil tahu dan berganding bahu melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah pedofilia. Baginda bertitah kepada ibubapa mengenai kepentingan menjauhi bentuk gangguan seksual seperti ini termasuk cara menyelamatkan diri. Iubapa juga perlu mendidik anak-anak dengan pendidikan seksual yang asas seperti memaklumkan bahagian badan yang tidak boleh disentuh dan dilihat orang lelaki, termasuk ahli keluarga sendiri.

Pendidikan seksual seperti ini sebenarnya perlu dihebahkan kepada anak-anak seawal usia empat atau lima tahun kerana dalam usia itu, mereka masih tidak dapat menilai bentuk gangguan seksual. Berikut adalah statistik kes penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia (2012- 2016).

Jadual 1: Kes Penderaan Seksual Kanak-Kanak di Malaysia (2012- 2016).

<i>Tahun</i>	2016	2015	2014	2013	2012	Jumlah
<i>Lelaki</i>	56	57	60	64	55	291
<i>Perempuan</i>	978	921	924	1029	908	4746
<i>Jumlah</i>	1034	978	984	1093	963	5052

Sumber : Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

PROGRAM KEMPEN TinDAK

Kempen TinDAK (Tindak Demi Anak Kita) di bawah organisasi bukan kerajaan (NGO). Majlis kempen amal mengumpul dana ini dianjurkan dengan kerjasama Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor. Kempen TinDAK dilancarkan di Johor Bahru pada Mei 2018, adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia dan ia adalah satu inisiatif oleh Liga Wanita Johor (JEWEL) untuk meningkatkan kesedaran awam dan pencegahan terhadap penderaan seksual kanak-kanak. Ia juga bertujuan untuk memastikan kanak-kanak melindungi diri mereka daripada pemangsa seksual dan pedofilia serta mendidik mereka mengenai tanda-tanda ancaman dan bahaya, serta bersuara sehingga mereka mendapat bantuan.

Kempen terhadap eksploitasi seksual kanak-kanak itu yang dimulakan di Johor perlu dikembangkan ke seluruh negara. Malahan mencuba dan melakukan yang terbaik untuk melindungi semua kanak-kanak Malaysia. Masyarakat perlu mempunyai rasa tanggungjawab di antara satu sama lain dan sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan keselamatan kanak-kanak serta merasakan bahawa kanak-kanak mempunyai orang dewasa seperti kita yang akan membimbing dan melindungi mereka. Yayasan ini bekerjasama dengan agensi kerajaan tempatan yang berkaitan dan menyokong kempen ini.

SEMINAR JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK

Seminar ini yang bertajuk : “*Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!*”. Anjuran Bahagian PERMATA Negara pada 13 dan 14 Mac 2017 di PWTC. Seminar ini dihadiri oleh 2000 peserta termasuk ahli-ahli parlimen, pembuat dasar dan pegawai kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), ibubapa, ahli akademik, media pengusaha jagaan kanak-kanak, para pendidik dan kanak-kanak (Malaysia Gazzete 2017).

Menurut. Geshina Ayu (2017), seminar ini mempunyai pelbagai maklumat dan info serta perkongsian yang interaktif di antara penceramah dan peserta. Tujuan Seminar Jenayah Kanak-kanak ini dianjurkan ialah (Bahagian Permata Jabatan Perdana Menteri 2017):

- i. Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang jenayah seksual kanak-kanak dan cara melindungi kanak-kanak daripada sebarang ancaman penjenayah.

- ii. Mendapatkan komitmen daripada semua pihak dalam usaha mencegah dan membasmi jenayah seksual kanak-kanak serta menyediakan sokongan.
- iii. Memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai perlunya mewujudkan satu akta baharu berkenaan jenayah seksual kanak-kanak.

Menurut Syukri dan Farhana (2017), rentetan daripada seminar ini, kerajaan akan mewujudkan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 iaitu sebuah undang-undang baharu dan khusus bagi menangani kesalahan jenayah seksual kanak-kanak secara holistik dan komprehensif. Kedua, kerajaan akan menubuhkan Mahkamah Jenayah Khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Seterusnya kabinet pada 24 Mac 2017 telah meluluskan cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 untuk dibentangkan di Parlimen. Sejurus selepas pengumuman tersebut dibuat, RUU tersebut telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada 28 Mac 2017 yang lalu. Bacaan kali kedua dan ketiga telah dijalankan pada 24 April 2017 (Parlimen, 2017). Akta ini berkuatkuasa pada 10 Julai 2017 (Malaysiadigest.com, 2017) dan menambah baik kelompangan undang-undang sedia ada berkaitan kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak terutamanya bagi kesalahan pornografi dan pengantunan kanak-kanak (child sexual grooming). Pelancaran seminar ini telah membuktikan keprihatinan kerajaan membentasi penganiyaan pedofilia terhadap kanak-kanak serta melindungi mereka secara holistik.

CHILD RIGHTS COALITION MALAYSIA

Menurut laporan mengenai status hak kanak-kanak di Malaysia oleh Child Rights Coalition Malaysia (2012), iaitu penggunaan talian bantuan 24 jam. Talian Nur 15999, ditubuhkan pada tahun 2007 untuk menangani aduan penderaan pengabaian keganasan rumahtangga, bantuan kebajikan dan pembuangan bayi. Pada tahun 2010, satu projek keselamatan swasta, umum dan bukan keuntungan. Childline Malaysia telah dimulakan khususnya untuk menangani panggilan daripada kanak-kanak yang memerlukan maklumat, pemeliharaan dan perlindungan. Walaupun Talian Nur dan Childline menggunakan nombor 15999 yang sama, pengendali Childline hanya menjawab panggilan daripada kanak-kanak manakala pengendali Talian Nur menjawab panggilan daripada orang dewasa.

Talian Nur ini adalah mekanisme pencegahan awal bagi memastikan mangsa tidak terus didera dan untuk mendapatkan bantuan segera.

Walaupun bagaimanapun antara masalah yang dihadapi dalam pengendalian talian ini adalah panggilan palsu atau tidak lengkap. Keadaan ini menyebabkan pembaziran tenaga kerja pihak yang terlibat dalam pengendalian perkhidmatan tersebut. Ini kerana setiap laporan yang diterima perlu disiasat sepenuhnya untuk memastikan kanak-kanak yang dikatakan menjadi “mangsa” itu selamat. (Jal Zabidi 2010).

KESIMPULAN

Pedofilia ialah gangguan seksual kanak-kanak ataupun dikenali sebagai jenayah seksual kanak-kanak. Ancaman pedofilia ini semakin menular dan membimbangkan kerana ia memberi kesan yang besar kepada keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Keadaan ini menimbulkan kerisauan sekaligus menggesa kerajaan mengambil tindakan yang cepat dan tepat bagi menanganinya. Kerajaan telah menggariskan Dasar Perlindungan Kanak-kanak demi kebaikan. Perlindungan bukan hanya untuk perlindungan semata-mata tetapi satu wadah untuk kanak-kanak dan remaja yang dilindungi dapat melalui proses perkembangan dengan lebih sihat dan sistematik. Kanak-kanak dan remaja seharusnya dilindungi secara fizikal, emosi, spiritual dan intelektual. Beberapa program pencegahan membendung gejala pedofilia telah dianjurkan oleh kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan keselamatan sosial. Elemen pendekatan yang digariskan oleh kerajaan dan pelaksanaan program dapat memberi panduan yang manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Dengan itu, ianya dapat mencari jalan penyelesaian terbaik untuk membentasi serta menangani jenayah ini demi keselamatan kanak-kanak di Malaysia.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Tiada

RUJUKAN

- Amnesty Internasional. 2023. *Children's Human Right*. Laman sesawang Amnesty Internasional, dicapai pada 29/6/2023. <https://www.amnesty.org/en/what-we-do/child-rights/>
- Bahagian Permata Jabatan Perdana Menteri. 2017. *Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak "Hentikan"*, Putrajaya
- BPKK. 2022. *Sektor Kesihatan Remaja: Dasar Kesihatan Remaja*. Laman sesawang Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, dicapai pada 29/2/2023 <https://hq.moh.gov.my/bpkk/index.php/sektor-kesihatan-keluarga/kesihatan-remaja-polisi.html>
- Geshina Ayu Mat Saat. 2017. Pensyarah Kanan Sains Forensik Pusat Pengajian Sains Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM).
- Harrison, K., Manning, R., & McCartan, K. 2010. Multi-disciplinary definitions and understandings of 'Paedophilia'. *Social & Legal Studies* 19(4) 481-496.
- Jal Zabidi Mohd. Yusoff. 2010. *Jenayah Penderaan Kanak-kanak*. UM: Kuala Lumpur.
- JKM. 2016. *Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara*. Laman sesawang rasmi Jabatan Kemajuan Masyarakat, dicapai pada 29/6/2022. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=TIFwUVczNORLQ3VIRDFqRTFmVENuZz09>
- Kamus Dewan*. 4th ed. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. 2017. *Garis Panduan Khas Untuk Mengendalikan Kes Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak Di Malaysia*. Putrajaya: Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
- KKM. 2023. *Program Pelancaran Larian One Stop Crisis Centre (OSCC) Fun Run 2023 di Hospital Putrajaya*. Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia, dicapai pada 20/6/2023. <https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/7251>
- KPWKM. 2022. *Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) 2022-2025*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Malaysiadigest.com. 2017. *Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak Berkuatkuasa 10 Julai- Azalina*. Laman sesawang <http://malaysiadigest.com/bahasa-malaysia/685305-akta-jenayah-seksual-kanak-kanak-berkuatkuasa-10-julai-azalina.html>.

- MalaysiaGazette. 2017. *DS Najib Rasmi Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan!!* Laman sesawang MalaysiaGazette, dicapai pada 20/12/2022, <https://malaysiagazette.com/2017/03/13/ds-najib-rasmi-seminar-jenayah-seksual-kanak-kanak-hentikan/>
- Nazura Ngah; Hazwan Faisal Mohamad & Fahmy Azril Rosli. 2017. *13,272 kes rogol kanak-kanak dilaporkan*. Laman sesawang rasmi Berita Harian. Dicapai pada 29/6/2022. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/306192/13272-kes-rogol-kanak-kanak-dilaporkan>
- OECD. 2010. *PISA 2009 Results: Executive Summary*. Laman sesawang Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), dicapai pada 29/6/2022. <https://www.oecd.org/pisa/pisaproducts/46619703.pdf>
- PERMATA. 2021. *Kempen TinDAK- Tindak Demi Anak Kita*. Laman sesawang PERMATA : Liga Wanita Johor. <https://jewelmalaysia.org/kempen-tindak-tindak-demi-anak-kita/>
- SUHAKAM. 2018. *Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.
- Syukri Shaari & Farhana Joni. 2017. *Komited Lindungi Kanak-kanak*. Utusan Online. Laman sesawang Utusan Online, dicapai pada 20/12/2022. <http://utusan.com.my/berita/nasional/komited-lindungi-kanak-kanak>.
- UNICEF. 2010. *Penderaan Kanak-kanak: Penderaan Seksual*. Laman sesawang rasmi United Nations International Children's Emergency Fund Malaysia. <https://www.unicef.org/malaysia/Geton Board-Fakta Penderaan-Seksual.pdf>
- UNICEF. 2019. *Convention on the Rights of the Child text*. Laman sesawang United Nations International Children's Emergency Fund Dicapai pada 29/6/2022. <https://www.unicef.org/child-rights-convention/convention-text>
- WHO. 1999. *Report of the Consultation on Child Abuse Prevention WHO, Geneva, 29-31 March 1999*. Switzerland: World Health Organization.

Pengarang:

Mardziah binti Abdul Manaf
Sarjana Pengajian Islam, Open Universiti Malaysia
Email: mardziah1178@gmail.com